

# BRONCOLIN SYRUP

Salbutamol Sulphate (2mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BRONCOLIN SYRUP
2. Bagaimana BRONCOLIN SYRUP berfungsi
3. Sebelum mengambil BRONCOLIN SYRUP
4. Cara menggunakan BRONCOLIN SYRUP
5. Semasa menggunakan BRONCOLIN SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BRONCOLIN SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang BRONCOLIN SYRUP. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak mengantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil BRONCOLIN SYRUP berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

**Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan BRONCOLIN SYRUP

BRONCOLIN SYRUP digunakan untuk melegakan bronkospasma (penyempitan saluran udara pada paru-paru) untuk semua jenis asma, bronkitis kronik (keradangan saluran

pernafasan) dan emfisema (kerosakan pundi udara (alveoli) dalam paru-paru).

## Bagaimana BRONCOLIN SYRUP berfungsi

BRONCOLIN SYRUP mengandungi *salbutamol sulphate* sebagai bahan aktif.

*Salbutamol Sulphate* tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai bronkodilator. Ia berfungsi dengan merehatkan dan membuka saluran udara ke paru-paru untuk bernafas dengan lebih mudah. Ia sesuai bagi pengurusan dan pencegahan serangan asma.

## Sebelum mengambil BRONCOLIN SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

### **Jangan mengambil BRONCOLIN SYRUP sekiranya:**

- anda mempunyai alahan terhadap *salbutamol sulphate* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

### Sebelum mula mengambil

*Kehamilan dan penyusuan susu ibu:*  
Beritahu doktor anda sebelum mengambil BRONCOLIN SYRUP jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusu bayi.

Kes-kes kecacatan ketika lahir yang jarang berlaku termasuk kecacatan lelangit rekah dan anggota telah dilaporkan pada bayi dari ibu yang dirawat dengan Salbutamol.

Salbutamol mungkin dirembeskan dalam susu ibu, oleh kerana itu penggunaannya semasa menyusu tidak digalakkan kecuali faedahnya dijangka melebihi apa-apa risiko yang berpotensi.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- Kencing manis.
- Kelenjar tiroid yang terlalu aktif.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Salbutamol dan ubat penyekat beta yang tidak selektif seperti propranolol, tidak disyorkan untuk diambil bersama. Salbutamol tidak dikontraindikasikan jika anda dirawat dengan *monoamine oxidase inhibitor* (MAOI) untuk rawatan kemurungan.

## Cara menggunakan BRONCOLIN SYRUP

### Berapa banyak harus digunakan

#### Kanak-kanak antara 2 dan 6 tahun

- Dos biasa pada 2.5ml-5ml, tiga atau empat kali sehari.

#### Kanak-kanak di antara 6 dan 12 tahun

- Dos biasa pada 5ml, tiga atau empat kali sehari.

#### Kanak-kanak lebih 12 tahun

- Dos biasa pada 5ml-10ml, tiga atau empat kali sehari.

#### Dewasa (lebih 18 tahun)

- Dos biasa pada 5ml-20ml, sehingga empat kali sehari.

#### Orang tua (lebih 65 tahun)

- Dos biasa pada 5ml, tiga atau empat kali sehari.

### Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung kepada individu. Dapatkan nasihat doktor.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

### Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak BRONCOLIN SYRUP. Pengambilan salbutamol secara berlebihan mungkin menyebabkan hipokalemia (paras kalium rendah dalam darah).

### **Semasa menggunakan BRONCOLIN SYRUP**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dan ubat-ubatan herba, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan BRONCOLIN SYRUP.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan meningkatkan dos atau kekerapan penggunaan jika tempoh kelegaan atau tempoh tindakbalas yang biasa berkurang tanpa mendapatkan nasihat dari doktor terlebih dahulu.

Jangan ambil ubat lain tanpa mendapat nasihat dari doktor anda.

Jangan beri BRONCOLIN SYRUP kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama dengan anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian.

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan alatan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, BRONCOLIN SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

BRONCOLIN SYRUP boleh menyebabkan gangguan pada sistem berikut:

- Sistem imun seperti tindak balas hipersensitiviti termasuk angioedema (bengkak dalam lapisan kulit), urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul), bronkospasma, tekanan darah rendah.
- Sistem metabolisme dan nutrisi seperti hipokalemia (kekurangan kalium dalam darah)
- Sistem saraf seperti sakit kepala dan tremor
- Sistem vaskular seperti pengembangan salur darah
- Sistem rangka otot dan tisu penghubung seperti kekejangan otot.

Jika gejala bertambah teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan BRONCOLIN SYRUP**

#### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Tutup dengan rapat dan betul.  
Lindungi daripada cahaya terik.  
Jauhi daripada kanak-kanak.

#### Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna BRONCOLIN SYRUP

BRONCOLIN SYRUP adalah cecair berwarna kuning pucat yang jernih dengan perisa blackcurrant. Ia boleh didapati dalam 90ml botol plastik amber.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

*Salbutamol Sulphate 2.4mg  
(bersamaan dengan salbutamol 2mg)*

Bahan-bahan tidak aktif:

*Citric Acid Anhydrous, Blackcurrant Flavour, Saccharin Sodium, Sodium Benzoate, Sodium Chloride, Hydroxyethylcellulose, Glycerin, Sodium Citrate dan Purified Water.*

**Nombor MAL: MAL10070567AZ**

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

**Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

25/11/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)251115/00458